

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah langkah yang akan dilaksana oleh Kerajaan untuk memastikan Pas Sementara Sabah yang akan dikeluarkan bermula Jun 2020 tidak disalahgunakan; dan

(b) adakah sistem dan pegawai bersedia untuk mendaftar semula 600 ribu orang di Sabah yang dijangka layak memohon PSS.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan Pas Sementara Sabah (PSS) adalah bertujuan untuk menyeragamkan kepelbagaian dokumen yang dimiliki oleh warga asing atau *displaced person* di Sabah iaitu pemegang dokumen IMM13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kad Burung-Burung yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Sijil Banci yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah, Majlis Keselamatan Negara Sabah. Keseragaman dokumen ini dilakukan bagi memudahkan pengecaman dan operasi oleh pihak penguatkuasa.

PSS hanya akan dikeluarkan kepada pemegang dokumen sedia ada yang telah disahkan oleh agensi pengeluar yang berkaitan. Selain itu, semakan silang data antara agensi juga dilaksanakan bagi memastikan pemegangnya adalah tulen sebelum PSS dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PSS yang akan dikeluarkan adalah dalam bentuk kad yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti biometrik dan mempunyai nombor ID yang unik yang membezakan PSS dengan pas-pas imigresen sedia ada. PSS juga adalah sebagai mekanisme kawalan keberadaan dan pergerakan warga asing di Sabah.

Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan di peringkat Negeri Sabah yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Menteri Sabah bagi memperincikan mekanisme pelaksanaan PSS ini seterusnya memastikan kelancaran operasi.